

ABSTRAK

Kajian ini mengukur tahap penguasaan membaca teks Arab di kalangan guru pelatih. Dalam kajian ini, tahap penguasaan membaca dinilai berdasarkan dua kategori; iaitu tahap pemikiran pelatih apabila membaca teks Arab, tahap pemahaman mereka terhadap teks yang dibaca. Kajian ini turut menganalisis hubungan tahap pemikiran dan tahap pemahaman dalam penguasaan bacaan. Data dikumpul daripada 135 orang guru pelatih yang terdiri daripada dua program iaitu; PPISMP dan PISMP (IPGM) pengkhususan Bahasa Arab dan Pendidikan Islam di IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi. Instrumen berbentuk soal selidik digunakan untuk menilai tahap pemikiran manakala tahap pemahaman dinilai berdasarkan markah kefahaman yang mereka perolehi. Dapatkan secara keseluruhan menunjukkan para pelatih menguasai bacaan pada tahap sederhana. Kajian mendapati tahap pemikiran dan tahap pemahaman mereka juga berada pada tahap sederhana. Selain itu, kajian menunjukkan tidak wujud sebarang korelasi yang signifikan di antara kedua-dua tahap ini.

ABSTRACT

This study examines the training teachers' acquisition level of reading Arabic text. In this study, the acquisitional level is obtained based on two categories; the level of thinking while reading Arabic text and the level of comprehension of the reading text. It also analyses the correlation between the level of these two categories. Data is collected from 135 training teachers in two programmes; PPISMP and PISMP (IPGM), majoring Arabic Language and Islamic Studies in IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi. The instrument used to measure the thinking level is questionnaire, while the level of comprehension is collected from results they obtained when they doing comprehension. The overall finding shows that half of them at the average level when reading Arabic texts. They also at average level in thinking and comprehension level. The finding also indicates that there is no significant correlation between these two levels.